

SIARAN MEDIA

INOVASI KPKT RANGKUL ANUGERAH TERUNGGUL DAN BERPRESTIJ SEMPENA AIPSA TAHUN 2023

PUTRAJAYA, 8 November 2023 – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah melakar sejarah apabila **inovasi peranti *Audio Frequency Intercept System (AFIS)*** berjaya menjadi **Johan sekaligus membawa pulang ganjaran wang tunai RM1 juta, trofi dan sijil** pada pertandingan Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA) Tahun 2023 yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) malam tadi.

Inovasi peranti *Audio Frequency Intercept System (AFIS)* turut dinobatkan sebagai **Johan (Trek Keselamatan dan Pentadbiran)** bagi Anugerah Inovasi Sektor Awam (AInSA) 2023. Di samping itu juga, KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) turut merangkul **Johan (Trek Ekonomi)** bagi Anugerah Inovasi Sektor Awam (AInSA) 2023 melalui **PBTPay- Inovasi Gerbang ePembayaran Berpusat Sektor Awam** yang menawarkan hadiah kemenangan masing-masing berjumlah RM200,000, trofi dan sijil.

Anugerah telah disampaikan oleh Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim. Turut hadir Menteri KPKT, YB Tuan Nga Kor Ming; Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali dan Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Wira M Noor Azman bin Taib.

Inovasi peranti *Audio Frequency Intercept System (AFIS)* dari Pasukan Alor Setar Troopers yang terdiri daripada enam (6) orang pegawai bomba BBP Alor Setar ini mampu menyampaikan maklumat dan amaran awal sewaktu kecemasan dengan cara memintas frekuensi siaran radio kenderaan di hadapan sekaligus membuat hebahan agar memberikan laluan kepada kenderaan kecemasan.

Sistem AFIS adalah 100 peratus dibangunkan oleh Pasukan Alor Setar Troopers yang di antara mereka berperanan sebagai jurutera, pereka bentuk dan juru uji sistem. Penghasilan sistem inovatif ini adalah susulan daripada kreativiti anak tempatan bagi mencari penyelesaian kepada masalah dihadapi oleh pasukan penyelamat apabila berhadapan kesesakan lalu lintas ketika dalam perjalanan ke lokasi kejadian.

Pemasangan AFIS di dalam kenderaan kecemasan diyakini mampu mempercepatkan perjalanan ke tempat operasi dengan purata penjimatan masa sebanyak 2 minit berbanding 9 minit 30 saat sebelumnya untuk tujuh (7) keluaran di lokasi yang sama dengan kelajuan kenderaan kecemasan bergantung kepada ketetapan undang-undang jalan raya.

Ketua Pasukan Alor Setar Troopers, TPgB II, Tc.Ahmad Naufal bin Abdullah berkata, "Sistem AFIS ini sekiranya diaktifkan di dalam jentera bomba mampu memintas frekuensi radio sehingga jarak 200 meter dan ia mampu ditingkatkan lagi kepada radius yang lebih luas bergantung kepada antena yang digunakan."

Projek inovasi PBTPay pula merupakan hasil cetusan inovasi pada tahun 2020 daripada Kumpulan Outstanding 9 (OS9), yang dianggotai oleh seramai sembilan (9) orang pegawai dari Bahagian Teknologi Maklumat dan Dasar, JKT. Ini bertujuan bagi mengatasi masalah pembayaran bil-bil perkhidmatan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Menurut Menteri KPKT, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), "PBTPay telah memberikan impak tinggi bukan sahaja kepada PBT bahkan yang paling lebih utama sekali adalah kepada rakyat, peniaga, pelabur dan agensi Kerajaan. Sejak dilaksanakan pada tahun 2020 dan sehingga kini, **kutipan di PBTPay** telah mencecah sebanyak **RM540 juta** dan **dijangka akan mampu mencapai kutipan sehingga RM1 bilion menjelang tahun 2025.**"

Sehingga kini, **PBTPay telah dimanfaatkan oleh 99 PBT** dan bakal diperluaskan untuk kegunaan PBT Negeri Sabah dan Sarawak bermula tahun 2024. **PBTPay menyediakan kemudahan semakan dan pembayaran Cukai Taksiran, Kompaun, Sewa, Bayaran Pelbagai dan Caj Pemajuan OSC 3.0 Plus secara pukal.** Fungsi ini telah menjadikan PBTPay sebagai sebuah sistem yang berupaya menerima pembayaran bagi pelbagai perkhidmatan untuk pelbagai PBT dalam satu-satu transaksi pembayaran.

Bagi memenuhi keperluan pendigitalan di masa akan datang, PBTPay sedang dipertingkatkan bagi fungsi pembayaran tempat letak kenderaan, tempahan kemudahan / fasiliti milik PBT seperti dewan, gelanggang, kolam renang dan lain-lain. Di samping itu, PBTPay juga menerima reaksi positif daripada pelanggan untuk menambah modul perkhidmatan bayaran melibatkan agensi Kerajaan dan swasta yang lain bagi perkhidmatan seperti bayaran bil utiliti, cukai tanah dan lain-lain.

YB KM turut berkata, "Kejayaan kedua-dua inovasi ini merupakan satu kebanggaan buat warga KPKT dan perkhidmatan awam secara keseluruhannya. Saya berharap warga KPKT akan terus membudayakan budaya kerja unggul dan cemerlang. Ini merupakan asas kepada peningkatan produktiviti sesebuah organisasi dalam mendokong konsep Malaysia MADANI."

KPKT beriltizam untuk terus menghasilkan inovasi-inovasi yang signifikan dan berimpak tinggi sama ada di peringkat kementerian, negara mahu pun global demi manfaat dan kesejahteraan rakyat.

#MalaysiaMADANI

#StrongerTogether

#DemiPertawi

#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

